

Untuk dapatkan pulangan hasil

# Taraf perintis pelabur dimansuh

BH - 2 NOV 1991

KUALA LUMPUR, Jumaat — Taraf perintis untuk syarikat yang melabur di negara ini dimansuhkan untuk membolehkan kerajaan mendapatkan kembali hasil penyediaan kemudahan awam dan infrastruktur, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kerajaan perlu mendapatkan pulangan hasil daripada taraf perintis untuk pelaburan baru bagi menampung perbelanjaan menyediakan kemudahan dan infrastruktur.

"Kita terpaksa mendapat sedikit sebanyak hasil daripada pelaburan kerana setiap kali ada pelaburan dari luar dan dalam negeri.

"Apa yang kita buat ini bukanlah mengenakan cukai tinggi tetapi hanya untuk membiayai pembangunan yang diperlukan untuk pelaburan. Saya percaya pelabur asing tidak akan terganggu kerana dasar ini," katanya kepada pemberita selepas pembentangan Belanjawan 1992 oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Parlimen di sini hari ini.

Selain pemansuhan taraf perintis, kerajaan juga akan meminda untuk mengurangkan kemudahan seperti elaun cukai pelaburan, pengurangan pendapatan larasan dan elaun eksport kepada pelabur luar dan dalam negara.

Perdana Menteri yang turut menyifatkan Belanjawan 1992 sebagai belanjawan yang baik menyatakan ia sudah dibincangkan di peringkat Kabinet.

Katanya, belanjawan itu juga meningkatkan cukai bagi barangan tertentu yang dijangka mampu dibayar

oleh mereka yang berminat dengan barangan berkenaan (rokok dan arak).

Mengenai pelaburan yang bermodal intensif dan berteknologi tinggi yang akan digalakkan oleh kerajaan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sejak negara mengalami pengangguran besar pada kadar sembilan peratus pada 1986, kerajaan menawarkan hakmilik 100 peratus kepada syarikat yang menyediakan pekerjaan kepada penganggur.

"Sekarang kita menghadapi kekurangan pekerja. Sebaliknya, kita ingin mengekalkan pelaburan tinggi, jadi kita beri keutamaan kepada jenis-jenis industri yang menggunakan modal tinggi yang berteknologi canggih.

"Antara teknologi berkenaan ialah teknologi robotik dan 'automated production line' serta yang menggunakan tenaga lebih terlatih dan mendapat bayaran tinggi," katanya.

Ditanya mengenai perbezaan kadar pengangguran di antara perangkaan Kerajaan Malaysia pada kadar 5.6 peratus dan Bank Dunia pada kadar 3.4 peratus, Perdana Menteri berkata, ia berpunca daripada perbezaan tafsiran.

"Kita beri pertimbangan, iaitu mereka yang bekerja separuh masa tidak ditakrifkan sebagai mempunyai pekerjaan tetapi Bank Dunia menganggap mereka bekerja. Sebab itu mereka menganggap kadar pengangguran kita rendah daripada perangkaan kita," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia yang kekurangan pekerja terpaksa membenarkan kemasukan pekerja asing tetapi kerajaan akan

mengenaikan bayaran bagi membolehkan mereka bekerja di negara ini.

"Kita akan mengutip bayaran daripada mereka (pekerja asing) kerana mereka akan menggunakan kemudahan yang disediakan untuk rakyat negara ini. Ini adalah adil kerana mereka perlu menyumbang untuk menggunakan kemudahan itu," katanya.

Sehubungan itu, menurutnya, kadar levi (cukai kepala) untuk pekerja asing yang bekerja di negara ini akan dibayar oleh majikan bagi pihak pekerja.

"Kita ingin tentukan supaya pekerja kita tidak dibayar kurang daripada pekerja asing dan kita juga tidak mahu pekerja asing dibayar kurang daripada pekerja kita.

"Jadi pembayaran ini secara tidak langsung adalah sumbangan daripada pekerja tetapi ia akan dibayar oleh majikan," katanya.

Mengenai usaha mengekalkan kadar pertumbuhan yang tinggi, Perdana Menteri berkata, kerajaan mempunyai pelbagai cara untuk melaksanakannya tanpa menyebabkan inflasi.

Menurutnya, dengan mengekalkan kadar pertumbuhan tinggi, kerajaan juga cuba mengurangkan penggunaan melalui pelbagai cara seperti menaikkan cukai dan kadar faedah serta mengurangkan pinjaman tertentu.

"Dengan cara itu, kita harap dapat mengekalkan kadar inflasi yang terhad. Orang awam harus faham bahawa inflasi berlaku kerana permintaan mereka sendiri. Jika mereka tidak mahu inflasi berlaku, mereka patut belanja mengikut kemampuan," katanya.